



SEBAHAGIAN penduduk terpaksa menggunakan perahu sebagai pengangkutan ketika Kampung Padang Serai, Larut dilanda banjir baru-baru ini.

JPS Perak bina parit pintas atasi banjir termenung

IPOH - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perak bertindak membina parit pintas bagi mengalirkan air bertakung yang telah menyebabkan kejadian 'banjir termenung' di daerah Manjung serta Larut Matang dan Selama.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Perak, Juhaimi Jusoh berkata, pihaknya juga membersihkan tumbuhan di kawasan parit bagi melancarkan aliran air.

"Langkah tersebut dijangka dapat disiapkan esok (hari ini). Kami harap ia mampu mempercepatkan pengaliran air keluar daripada kawasan rendah sekali gus dapat menangani kejadian banjir termenung dalam masa terdekat," katanya ketika dihubungi *Ber-*

nama di sini semalam.

Menurut Portal Banjir Jabatan Kebajikan Masyarakat, jumlah mangsa banjir di Perak masih kekal 215 orang daripada 61 keluarga setakat pukul 5 petang semalam.

Seramai 202 mangsa banjir masih ditempatkan di Sekolah Agama Rakyat Padang Serai, Pantai Remis, Manjung manakala 13 orang di Surau Padang Serai di Larut, Matang.

Kelmarin jurucakap Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri berkata banjir di kedua-dua kawasan tidak surut sejak beberapa hari lalu disebabkan air bertakung tidak dapat mengalir ke sungai dan dikenali sebagai banjir termenung.